

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[INTERACTION FACTORS WITH AL-QURAN IN THE APPRECIATION
PROCESS OF STUDENTS' RELIGIOUS LIVES IN UKM]**

**FAKTOR INTERAKSI DENGAN AL-QURAN DALAM PROSES PENGHAYATAN
KEHIDUPAN BERAGAMA PELAJAR- PELAJAR UKM**

HASNAN KASAN ^{1*}
MOHD FADZHIL MUSTAFA ²
SITI SARAH HAIMI ³
UMAR FARUK ⁴

¹ Pensyarah PPU, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

² Pensyarah FKI, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Malaysia.

³ Pelajar FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

⁴ Pelajar PhD, FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Corresponding author: hasnan@ukm.edu.my

Received Date: 7 April 2017 • Accepted Date: 28 June 2017

Abstract

Al-Quran has elements of therapy to offer peace in daily life. Furthermore, the miracle of al-Quran via its sacred verses is able to treat the physical and spiritual illness. This miracle was revealed to the Prophet Muhammad as the Muslim holy book that is much different than any other books. However, the main concern to various parties, particularly among the students, is the neglect of interaction with al-Quran intensively. Thus, this study aimed to investigate the level of the UKM students' internalization towards al-Quran and the differences among them in interacting with al-Quran. This study applied quantitative method and the findings were presented descriptively based on frequency and t-test analyses. The study concluded that the interaction between sub-factors believe and practice showed high mean score, while the mean scores of the other six sub-factors of interaction with al-Quran were found to tend to be higher. Further, the t-test showed a significant difference between genders in terms of interaction with al-Quran.

Key Words: Miracle of al-Qur'an, interaction with al-Quran, internalization, religious life.

Abstrak

Al-Quran sebenarnya mempunyai unsur terapi bagi mendapatkan ketenangan dalam kehidupan seharian. Malah mukjizat al-Quran melalui ayat-ayat sucinya mampu merawat penyakit-penyakit zahir dan batin. Mukjizat ini telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai kitab suci umat Islam yang jauh berbeza dengan kitab-kitab lain. Namun, kenyataan yang sering membimbangkan banyak pihak khususnya terhadap para pelajar ialah pengabaian daripada sudut interaksi dengan al-Quran secara intensif. Justeru, kajian ini berusaha menjelaskan sejauh mana penghayatan para pelajar lelaki dan perempuan di UKM serta perbezaan di antara mereka dalam interaksi dengan al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan dapatan dipersembahkan secara deskriptif berasaskan ujian frekuensi dan ujian-t. Hasil kajian merumuskan bahawa sub faktor interaksi beriman dan mengamalkan menunjukkan nilai skor min yang tinggi, manakala enam sub faktor daripada interaksi dengan al-Quran berada pada skor min cenderung tinggi. Seterusnya, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan interaksi dengan al-Quran yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kata kunci: Mukjizat al-Quran, interaksi dengan al-Quran, penghayatan, kehidupan beragama.

Cite as: Hasnan Kasan, Mohd Fadzil Mustafa, Siti Sarah Haimi, Umar Faruk. 2017. Faktor Interaksi dengan al-Quran dalam Proses Penghayatan Kehidupan Beragama Pelajar- Pelajar UKM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 84-93.

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah lafaz Arab yang bermukjizat yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW dengan membacanya merupakan ibadah, dan sampai kepada umat Islam dengan *riwayat* yang *mutawatir* (al-Buti 1999). Manakala menurut Manna' al-Qattan, al-Quran adalah *kalamullah* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan membacanya merupakan ibadah (Manna' al- Qattan, 1998). Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang bermukjizat, diturunkan melalui Jibril a.s kepada Nabi Muhammad SAW dengan riwayat yang *mutawatir* serta membacanya merupakan satu ibadah.

Penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW adalah bukan kehendak Baginda sendiri tetapi ia merupakan rahmat daripada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 28:86 yang bermaksud:

Dan engkau (wahai Muhammad) tidak pernah berharap supaya Kitab al-Quran ini diturunkan kepadamu, (tetapi ia diturunkan kepadamu) hanyalah sebagai rahmat dari Tuhanmu, oleh itu janganlah engkau menjadi penyokong bagi orang-orang kafir. (Jabatan Perdana Menteri, 2001).

Baginda telah menerima wahyu selama 23 tahun di dalam bahasa Arab secara berperingkat- peringkat tidak seperti kitab *Taurat* yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s secara sekaligus (al-Buti 1999). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Furqan 25:32 yang bermaksud:

Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad – semuanya (dengan sekali gus)?" al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (Wahai Muhammad!) dengannya dan Kami nyatakan bacanya kepadamu dengan teratur satu persatu.

Mukjizat agung ini adalah sebagai panduan dan petunjuk kepada seluruh umat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra" ayat 17:9 yang bermaksud:

Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam).

Panduan dan petunjuk ini meliputi seluruh aspek kehidupan manusia, iaitu merangkumi aspek *muamalah, ibadah, siyasah, ekonomi, politik* dan sebagainya. Allah SWT telah berjanji bahawa sesiapa yang membaca , mengikuti petunjuknya, mengamalkan isi kandungannya, melaksanakan perintah-perintahnya, dan menjauhi larangan-larangan al-Quran, maka Allah SWT tidak akan menyesatkannya di dunia mahupun di akhirat ketika umat manusia lainnya tersesat (al-Qarni, 2006).

Ketenangan amat penting dalam kehidupan manusia. Dalam Islam, ketenangan mempunyai perkaitan antara roh dan iman. Tanpa ketenangan, kehidupan seseorang tidak dapat diurus dengan sempurna kerana ketenangan merupakan sumber kebahagiaan. Ketenangan hakiki adalah apabila dekatnya seseorang dengan penciptaNya. Bagi meraih ketenangan, al-Quran merupakan terapi yang terbaik dalam merawatnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Ra" d ayat 13:28 yang bermaksud;

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Penyucian hati mempunyai perkaitan dengan akhlak dan moral. Akhlak seseorang akan terpelihara apabila jiwanya bersih. Hati yang bersih memudahkan untuk taat dan patuh kepada segala suruhan yang telah ditetapkan dan meninggalkan perkara yang telah dilarang. Manakala hati yang keras adalah hati yang sentiasa lupa kepada Allah S.W.T. yang mana hatinya sentiasa terpaut dengan kehidupan keduniaan menyebabkan mereka lupa akan kebenaran yang ada di sisi Allah S.W.T.

Al-Qaradawi menekankan bahawa pembelajaran al-Quran yang sepatutnya ada pada diri muslim hendaklah bermula dengan menjaga, membaca, mendengar, *tadabbur*, mengamalkan, menghayati dan mengharap (al-Qaradawi, 1999). Manakala menurut al-Khalidi, dalam berinteraksi dengan al-Quran terdapat tiga bentuk yang utama, pertama; membaca al-Quran dengan adab-adabnya, kedua; menghafal dan mengulang hafalan tersebut

dan ketiga; *tadabbur* dan merenung isi kandungan al-Quran (al-Khalidi, 1995). Menurut Abdullah Atu (2009) setiap muslim mempunyai lima kewajiban terhadap al-Quran iaitu beriman, membaca dengan tajwid, memahami isi kandungannya, mengamalkan serta menyebarkan kepada orang lain.

PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Al-Quran merupakan sumber dan panduan kepada umat Islam dalam menjalani arus kehidupan. Tuntutan terhadap al-Quran perlu dititik beratkan oleh setiap manusia kerana di dalamnya telah tersedia manual dalam memahami ajaran Islam yang sebenar. Sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dari Zaid bin Tsabit beliau berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: “Aku tinggalkan pada kalian dua pusaka; *kitabullah* dan ahli baitku, keduanya tidak akan berpisah hingga keduanya bertemu denganku di *hawd* (telaga)”. (Hadith Zaid bin Thabit dari Nabi SAW, No 22067).

al-Quran mempunyai perkaitan dengan pembentukan sahsiah umat Islam. Malah, akhlak dan moral dilihat sebagai kunci kepada pembangunan rohaniah umat Islam. Saidatina Aisyah r.a pernah ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW, maka beliau menjawab: “Bahawa akhlaknya adalah al-Quran”. (al-Asqalani, 1986) Apabila umat Islam berpegang teguh dengan kalam Allah SWT, mereka tidak akan tersesat dan terpesong dari landasan yang telah digariskan oleh syarak. (al-Qaradawi, 1999).

Interaksi terhadap al-Quran perlu difahami dan dihayati oleh umat Islam yang mempunyai banyak peringkat dan tahap. Interaksi-interaksi tersebut merangkumi beriman, membaca, menghafal, mendengar, mempelajari, *tadabbur*, menghayati serta mempertahankan al-Quran dari sebarang penyelewengan.

Namun, tahap kesedaran umat Islam terhadap al-Quran masih berada tahap sederhana. Satu pemantauan telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, mendapati bahawa ada dalam kalangan umat Islam di negara ini tidak mempunyai al-Quran walaupun senaskhah di rumah mereka (Johan Afendi-Berita Harian, 2004). Para remaja pada hari ini ramai yang tidak tahu atau kurang mahir dalam membaca al-Quran kerana sikap mereka yang tidak memandang berat akan kepentingan al-Quran serta ketidakprihatinan ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Masalah ini juga adalah berpunca dari sikap masyarakat yang terlalu memandang kepada pangkat serta mengambil berat mengenai hal-hal keduniaan (Ahmad Haji Abdul Ghani, 1997).

Menurut laporan kajian yang dilakukan oleh Walijah Ahmad Jamburi mendapati bahawa hanya 10% sahaja yang membaca al-Quran setiap hari dan sebanyak 63.1% yang membaca al-Quran jarang-jarang. Alasan mereka yang jarang-jarang membaca al-Quran adalah kerana malas, tidak ada masa dan alasan tidak pandai membaca al-Quran (Walijah Ahmad Jamburi, 2010). Sebagaimana kajian yang dilakukan di Negeri Sembilan mengenai kemahiran membaca al-Quran, mendapati daripada sejumlah 164 orang responden, seramai 80 orang iaitu (48.8%) telah khatam al-Quran ketika di tahun 4 hingga ke tahun 6, manakala 56 orang iaitu (34.1%) adalah terdiri daripada mereka yang belum khatam al-Quran. Peratus bilangan mereka yang telah khatam al-Quran sebelum memasuki sekolah berasrama penuh bertambah sedikit iaitu sebanyak 65.9% (Ramlan Ahmad, 2000). Walaupun kebanyakan pelajar telah khatam al-Quran, namun dari segi tahap kelancaran masih di peringkat sederhana. Sebagaimana dapatan kajian yang dijalankan oleh Madihah Mohamad, masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah

pelajar kurang lancar membaca al- Quran, lemah dari segi makhraj huruf dan lemah menguasai hukum-hukum tajwid. Mereka tidak dapat menguasai al-Quran sejak di sekolah rendah lagi (Madiah Haji Muhamad, 1992).

Walaupun kebanyakan umat Islam membaca al-Quran, tetapi mereka tidak memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran yang dibaca. Menurut qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-53, Suraya Abu Hassan, “Kejahilan segelintir kita yang tidak memahami maksud di sebalik ayat al-Quran menjadikan matlamat membaca al-Quran itu pincang. Keadaan di mana individu melagukan ayat al-Quran secara mendayu sedangkan ayat menegaskan perintah Allah, sering berlaku dan menimbulkan kekeliruan” (Sani Kamarudzaman-Berita Harian, 2011).

Manakala menurut Pengarah Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), Abdul Shukor Husin, ketika membentangkan kertas kerja Sistem Pendidikan Islam di Malaysia Sebagai Model Pendidikan Dunia Islam, beliau berkata pada masa sekarang pelajar sekolah rendah dan menengah berhadapan masalah kurang penghayatan ilmu keagamaan yang menyebabkan mereka cepat bosan seterusnya gagal menerapkan ilmu yang dipelajari secara praktikal (Muhd Amirul Faiz Ahmad-Berita Harian, 2011). Sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Madiah Haji Mohamad, di S.M.K.A Tok Jiring, dapatan kajian mendapati 32.5% pelajar tingkatan 2 dan 3 menghadapi masalah sukar memahami maksud ayat-ayat yang di pelajari di dalam kelas. Manakala sebanyak 35% pelajar tingkatan 4 menghadapi masalah yang sama (Madiah Haji Muhamad, 1992). Kajian yang dilakukan di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Matang Kuching Sarawak mendapati 72% daripada pelajar-pelajar hanya memahami sedikit kandungan yang mereka baca. Ini menunjukkan tahap kefahaman mereka pada tahap keadaan yang kurang memuaskan. Manakala 28% daripada mereka tidak memahami langsung isi kandungan yang mereka baca. Walaupun mereka belajar bahasa arab, ianya tidak membantu mereka memahami isi al-Quran (Rosnawati Umar, 1992).

Justeru, objektif kajian ini untuk menjawab sejauhmanakah keterlibatan pelajar-pelajar dan perbezaannya antara lelaki dan perempuan bagi pelajar UKM sendiri dalam berinteraksi dengan al- Quran. Soalan tersebut memberikan pengaruh kepada penghayatan bagi kehidupan beragama seharian. Sebagaimana matlamat dan objektif Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap matapelajaran Pendidikan Islam dalam pendidikan Tilawah al-Quran, iaitu; pertama memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati al-Quran yang diajar pada peringkat sekolah rendah dan kedua; membaca, memahami dan menghayati kandungan al-Quran serta menghafaz ayat-ayat yang ada kaitan dengan amalan dalam kehidupan harian (Mohd Aderi Che Noh, 2009).

Berdasarkan kepada objektif tersebut, menunjukkan bahawa penekanan interaksi terhadap al-Quran telah dijalankan sejak di sekolah rendah lagi. Namun, persoalannya, adakah interaksi-interaksi tersebut telah berjaya dijalankan dan bagaimana tahap pengamalan dan penghayatan agama pelajar-pelajar di UKM?

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian dengan analisis kuantitatif dengan analisis ujian t bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Sampel kajian terdiri dari 463 orang pelajar-pelajar (191 pelajar lelaki dan 272 pelajar perempuan) yang masih lagi belajar di UKM dalam pelbagai jurusan.

Menurut Krejcie dan Morgan (1970) saiz sampel sebanyak 403 adalah memadai dengan saiz populasi sebanyak 5000 pelajar. Satu set soal selidik yang dibina sendiri. Bahagian A adalah maklumat demografi pelajar termasuk umur, jantina, tempat tinggal, dan fakulti. Bahagian B adalah mengenai soalan interaksi dengan al-Quran dengan subfaktor; interaksi beriman - 6 item soalan, interaksi membaca - 38 item soalan, interaksi mendengar - 3 item soalan, interaksi menghafal - 21 item soalan, interaksi mempelajari - 7 item soalan, interaksi tadabbur - 14 item soalan, interaksi mengamalkan - 4 item soalan dan interaksi mempertahankan - 6 item soalan. Soal selidik dibina dengan skala likert (1 = sangat tidak setuju (STS), 2 = tidak setuju (TS), 3 = tidak pasti (TP), 4 = setuju (S), dan 5 = sangat setuju (SS)).

Keputusan nilai alpha (α) subfaktor interaksi beriman = .68, interaksi membaca = .92, interaksi mendengar = .61, interaksi menghafal = .88, interaksi mempelajari = .88, interaksi *tadabbur* = .92, interaksi mengamalkan = .90, dan interaksi mempertahankan = .86. Nilai pekali kebolehpercayaan yang dianggap memuaskan ialah di antara 0.60 dan 0.90 (Kaplan dan Saccuzzo 2001). Bagaimanapun nilai pekali kebolehpercayaan 0.60 masih boleh dianggap baik untuk tujuan penyelidikan (Kerlinger 1973).

KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan Deskriptif Mengikut Lapan Subfaktor Interaksi dengan al-Quran

Keputusan min subfaktor untuk interaksi dengan al-Quran pada jadual 1 menunjukkan interaksi beriman 29.73 (SP .911), interaksi dengan membaca 1.351 (SP 17.48), interaksi mendengar 12.82 (SP 1.612), interaksi menghafal 78.13 (SP 10.79), interaksi mempelajari 27.37 (SP 4.400), interaksi *tadabbur* 57.57 (SP 7.368), interaksi mengamalkan 16.32 (SP 2.473) dan interaksi mempertahankan 23.50 (SP 3.927). Kelapan-lapan subfaktor berkenaan menyumbang nilai yang signifikan kerana berada pada kedudukan kebanyakan nilai 'cenderung tinggi'. Walaubagaimanapun subfaktor beriman dan mengamalkan berada pada kedudukan nilai 'tinggi'. Hal ini bermakna bahawa pelajar-pelajar samada lelaki dan perempuan mempunyai faktor interaksi beriman dan mengamalkan terhadap al-Quran dengan sangat baik.

Keputusan Analisis Perbezaan Interaksi dengan al-Quran Mengikut Faktor Jantina (Ujian t)

Analisis ujian t pada jadual 2 sampel bebas tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min interaksi dengan al-Quran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di UKM. Ujian menunjukkan nilai $t(461) = -3.57$, $p = .000$ adalah signifikan. Hasil keputusan di dapati bahawa terdapat perbezaan skor min interaksi dengan al-Quran yang signifikan antara pelajar lelaki ($M = 3.05$, $SP = .479$), dan pelajar perempuan ($M = 3.20$, $SP = .432$).

Walaupun secara deskripsi didapati hampir keseluruhan subfaktor berada di taraf kecenderungan tinggi, namun begitu keputusan ujian t didapati terdapat perbezaan interaksi dengan al-Quran yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan ke atas data kajian. Hal ini bermakna terdapat kesinambungan dapatan antara keputusan deskriptif dan keputusan ujian t untuk interaksi dengan al-Quran pada pelajar-pelajar di UKM.

Jadual 1 Taburan Nilai Deskriptif Profil Responden Mengikut Subfaktor Interaksi dengan al-Quran

Faktor Interaksi dengan al-Quran	N	Minimum	Maximum	Mean	Sisihan Piawai
interaksi beriman	463	24	30	29.73	.911
interaksi membaca	463	70	190	1.351	17.48
interaksi mendengar	463	7	15	12.82	1.612
interaksi menghafal	463	40	105	78.13	10.79
interaksi mempelajari	463	13	35	27.37	4.400
Interaksi <i>tadabbur</i>	463	29	70	57.57	7.368
interaksi mengamalkan	463	7	20	16.32	2.473
interaksi mempertahankan	463	11	30	23.50	3.927
Valid N (listwise)	463				

Keterangan Nilai



	1 (Rendah)	2 (Cenderung)	3 (Cenderung)	4 (Tinggi)	Mean
interaksi beriman				✓	29.73
interaksi membaca			✓		1.351
interaksi mendengar			✓		12.82
interaksi menghafal			✓		78.13
interaksi mempelajari			✓		27.37
interaksi <i>tadabbur</i>			✓		57.57
interaksi mengamalkan				✓	16.32
interaksi mempertahankan			✓		23.50

Jadual 2 Perbezaan Interaksi dengan al-Quran Mengikut Faktor Jantina

Demografi	Faktor	N	MIN	SP	dk	t	Sig
Jantina	Lelaki	191	3.05	.479	461	-3.57	.000*
	Perempuan	272	3.20	.432			

PERBINCANGAN

Keputusan deskriptif kajian mendapati bahawa faktor beriman dan mengamalkan merupakan faktor yang paling tinggi berbanding enam faktor yang lain. Peringkat interaksi pertama dan terpenting terhadap al-Quran adalah keimanan yang sebenar-benarnya. Dari sudut bahasa, iman ialah (التصديق) atau membenarkan. Dari sudut istilah iman ialah membenarkan dengan hati dan mengakui dengan lidah. Hati yang membenarkan ialah hati yang menyakini sesuatu dan menerimanya dengan kerelaan hati. Hakikat iman ada tiga unsur iaitu pertama; keyakinan dalam hati, kedua; penerimaan dan membenaran dalam hati, dan ketiga; pengakuan dengan lidah yang menepati dengan keyakinan dan membenaran hatinya (Mohd Sulaiman Haji Yasin 1987).

Iman yang hakiki adalah suatu kepercayaan yang diyakini di dalam hati dan dibuktikan dengan amal perbuatan. Dan keimanan ini adalah ungkapan hati yang disampaikan melalui bahasa lisan (Mahmud al-Dosari, 2006). al-Quran, al-Baqarah 2:136 memberikan isyarat bahawa keimanan kepada al-Quran merupakan hal yang iman atau mesti dikekalkan dalam hati dan pengamalan. Banyak lagi dalam al-Quran yang menjelaskan tentang kewajipan meyakini bahawa al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang terbukti kebenarannya secara mutlak.

Manakala mengamalkan al-Quran merupakan salah satu perbuatan yang baik dan disukai oleh Allah SWT. Allah SWT telah menjanjikan kepada hamba-hambanya yang melakukan amal soleh dengan ganjaran yang besar samada di dunia mahupun akhirat. Sebaik-baik manusia adalah orang yang mengamalkan al-Quran dan menerapkan pengamalannya dalam kehidupan secara zahir dan batin. Bahkan al-Quran juga menjadi simbol kepada akhlak Rasulullah SAW. Allah SWT sendiri telah memuji dan menyanjung akhlak dan budi pekerti Nabi Muhammad SAW dalam al-Quran (al-An'am 6:155, al-Nahl 16:97, al-Qalam 68:4, al-Hadid 57:16, al-Kahfi 18:57).

Pengamalan menjadi teras utama bagi umat Islam agar dapat memahami serta menghafal al-Quran dengan baik. Kitab suci al-Quran tidak sama dengan kitab Taurat sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Yahudi apabila mereka membacanya, namun mereka tidak mengamalkan ayat yang dibaca. Mereka diumpamakan seperti seekor keldai yang memikul bebanan yang berat. Padahal mereka mengetahui ayat yang dibaca, namun mereka tidak mengamalkan dan mengambil manfaat darinya.

Pelajar di peringkat pendidikan sudah semestinya memahami hal demikian, apatah lagi pelajar dalam program pengajian Islam. Walaupun kajian ini tidak secara khas menjelaskan tentang pelajar-pelajar yang ada di program pengajian Islam, tetapi kajian ini menjelaskan secara umum pelajar-pelajar UKM di pelbagai fakulti. Keputusan kajian ujian t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan bagi peringkat berinteraksi dengan al-Quran.

KESIMPULAN

Al-Quran merupakan kitab suci yang kekal buat selama-lamanya, terpelihara di bawah pemeliharaan Allah SWT sehingga hari akhirat (Abdullah Nasih Ulwan, terj. Hasnan Kasan, 2003). Umat Islam secara umum dan secara khasnya pelajar-pelajar kini mesti kembali menghayati al-Quran sebagaimana yang telah dihayati oleh umat Islam pada zaman awal

sejarah Islam dahulu terutamanya pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Penghayatan al-Quran yang sempurna akan mengubah seluruh keadaan hidup umat Islam dan selanjutnya akan meletakkan mereka menerajui kepimpinan dunia sekali lagi (Wan Salim Wan Mohd Nor, 1992).

Peringkat interaksi bagi beriman dan mengamalkan terhadap al-Quran merupakan sebahagian bentuk interaksi terpenting dalam kehidupan kita semua. Sejarah telah membuktikan bahawa selama mana seseorang itu berpegang teguh dengan al-Quran, selama itulah seseorang itu memperoleh kemenangan serta sebaliknya jika seseorang itu meninggalkan al-Quran menyebabkan seseorang itu jatuh di dalam kehinaan. Pada abad ke-7 H, ketika pengamalan al-Quran pernah diabaikan datanglah kelompok al-Rafidah dengan membonceng kekuatan Tartar dari Mongol yang dipimpin oleh Jengis Khan. Dalam tempoh lapan hari, 800 ribu orang Islam terbunuh, masjid-masjid dihancurkan, mushaf-mushaf al-Quran dibakar dan tentera Tartar membunuh kanak-kanak dan wanita (Aidh Abdullah al-Qarni, terj. Abdul Halim Shaleh, 2006).

Pelajar-pelajar di peringkat universiti merupakan tumpuan utama untuk meneruskan proses daripada peringkat interaksi beriman hingga ke peringkat interaksi mempertahankan bahkan membuktikan kewibawaan dan kebenaran al-Quran secara konsisten. Pelajar-pelajar di peringkat ini menjadi kayu pengukur bagi keberhasilan pengawalan sahsiah diri melalui interaksi dengan al-Quran. Hasil dapatan kajian ternyata bahawa pelajar-pelajar UKM menunjukkan nilai skor min yang tinggi dan berkesan kepada interaksi al-Quran sebagai penghayatan kehidupan beragama.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan, Terj Hasnan Kasan. (2003). *Generasi Muda Islam & Cabaran Globalisasi*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur.
- Ahmad Haji Abdul Ghani. (1997). *Tahap-Tahap Penguasaan Pembacaan Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kajian Khusus Di Sekolah Menengah Jitra, Jitra Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur.
- Aidh Abdullah Al-Qarni, Terj Abdul Halim Shaleh. (2006). *Sejenak Bersama Al-Quran*. Al-Hidayah Publishers : Kuala Lumpur.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar. (1986). *Fath Al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*. Dar Al-Rayyan Li Al-Turath.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (1999). *Min Rawai' Al-Quran Ta'amulat Ilmiah Wa Adabiah Fi Kitabillah Azza Wajalla*. Riyad: Maktabah Al-Riyad Al-Hadithah.
- Johan Afendi, Berita Harian. (2004). *Tiada Al-Quran Di Rumah*, 15 Julai, Hlm. 14.
- Kaplan, R. M. & Saccuzzo D. P. (2001). *Psychological Testing, Principles, Application And Issues*. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Kerlinger, Fred N. (1973). *Foundations Of Behavioral Research*. 2nd Edition. Holt, Rinehart And Winston.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah. (1995). *Taswibaat Fi Fahmi Ba'dhil Ayat*. Damsyik: Dar Al-Qalam Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining The Sample Size Needed To Be Representative Of A Given Population*. *Educational And Psychological Measurement*. 30, 607-610.

- Madiah Haji Muhamad (1992), Pembelajaran Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Daerah Kuala Terengganu, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Mahmud Bin Ahmad Bin Shalih Al-Dosari. (2006). Keagungan Al-Quran. Maktabah Darus Salam: Riyadh.
- Manna Khalil Al-Qattan. (1998). Mabahis Fi 'Ulum Al-Quran. Beirut: Muassassah Al-Risalah.
- Muhd Amirul Faiz Ahmad, Berita Harian. (2011). Cadangan Selaras Kelas Pendidikan Jqaf, Kafa, 3 Oktober, Hlm. 9.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1999). Kaifa Nata'mal Ma'al Al-Quran Al-,,Azim. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Ramlan Ahmad. (2000). Kemahiran Membaca Al-Quran Dan Jawi Pelajar-Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Berasrama Penuh : Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana. Hlm. 81-82.
- Rosnawati Umar. (1992). Pembelajaran Tilawah Al-Quran Dikalangan Pelajar Agama: Suatu Kajian Di Smka Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Matang Kuching Sarawak. Tesis Sani Kamarudzaman, Berita Harian. (2011). Tekad Suraya, 13 Ogos, Hlm. 2.
- Sulaiman Haji Yasin. (1987). Pengenalan Tamadun Islam : Konsep Kerohanian. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Terjemahan Ayat Al-Quran Dalam Tulisan Ini Berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Qur'an Kepada Pengertian Al-Qur'an. (2001). Edisi Kedua Belas; Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Salim Wan Mohd Nor. (1992). Al-Quran Dalam Beberapa Perspektif, Dalam Penghayatan Quran Di Malaysia. Penerbitan Pustaka Antara: Kuala Lumpur.